

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1994/95

April, 1995

AOP402 - PENGURUSAN PERBANDINGAN

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan. Soalan 1 adalah WAJIB dan pilih empat soalan lain.

Soalan 1 (WAJIB)

Geert Hofstede dalam artikelnya, "**Motivation, Leadership, and Organisation: Do American Theories Apply Abroad?**" membincangkan dimensi budaya dan kesannya terhadap teori-teori pengurusan. Jelaskan budaya Malaysia dalam konteks dimensi yang disarankan oleh Hofstede dan bincangkan kesan dimensi budaya ini terhadap teori-teori motivasi, kepimpinan, dan pengurusan.

[20 markah]

Soalan 2

Jelaskan bagaimana budaya boleh mempengaruhi pengurus organisasi melaksanakan fungsi pengurusan iaitu perancangan, penyusunan, kepimpinan dan pengawalan.

[20 markah]

Soalan 3

Edward T. Hall dalam artikelnya "**The Silent Language of Overseas Business**" membincangkan berbagai bahasa bukan lisan yang harus difahami oleh eksekutif-eksekutif yang menjalankan perniagaan antarabangsa. Jelaskan setiap satu dari bahasa ini dan berikan contoh-contoh bersesuaian sama ada dari Malaysia atau dari negeri lain.

[20 markah]

...2/-

- 2 -

Soalan 4

Jelaskan perbezaan gaya pengurusan korporat Jepun dan Amerika Syarikat dan bagaimana gaya pengurusan Jepun telah membawa pertukaran kepada pengurusan Amerika kepada Teori Z.

[20 markah]

Soalan 5

Bincangkan ciri-ciri yang harus didapati bagi menjayakan sesebuah organisasi majmuk. (Multicultural Organisation).

[20 markah]

Soalan 6

(a) Beri penerangan mengenai budaya korporat dan jelaskan bagaimana pemimpin membentuk budaya tersebut.

[10 markah]

(b) Jelaskan apa yang harus anda lakukan untuk mengukuh budaya korporat.

[10 markah]

Soalan 7

Bincangkan faktor-faktor yang bertanggungjawab bagi kecemerlangan korporat Jepun.

[20 markah]

- oooOooo -